



**KARNIVAL GERAK SISWA NIAGA  
7 HINGGA 10 SEPTEMBER 2015**

**PENERANGAN DAN SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

1. Penyertaan ini **TERBUKA** kepada semua pelajar dan staf Politeknik Sultan Idris Shah. Setiap staf yang menyertai karnival ini perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang pelajar yang berniaga bersama.
2. Borang penyertaan boleh didapati di Laman Sesawang Politeknik Sultan Idris Shah [www.psis.edu.my](http://www.psis.edu.my). Borang penyertaan boleh dihantar terus ke Unit Keusahawanan Politeknik Sultan Idris Shah (di Bangunan HEP) atau emailkan kepada [azmibusra.psis@gmail.com](mailto:azmibusra.psis@gmail.com) atau serahkan kepada urusetia berikut pada atau sebelum 4 September 2015:
  - i) Pn Norbizuna Abd Rashid (Penyelaras Keusahawanan JP)
  - ii) Pn Janice Jothi Pandian (Penyelaras Keusahawanan JKE)
  - iii) En Mohd Faizal Bin Yahya (Penyelaras Keusahawanan JTMK)
  - iv) En Mohd Ismail Bin Mubin (Penyelaras Keusahawanan JPH)
  - v) En Mohd Rizal Bin Abd Rahim (Penyelaras Keusahawanan JKA)
  - vi) Cik Nor Nazua Bt Mohd Khairuddin -0172399397 (Kelab Keusahawanan)
  - vii) En Muhammad Faiz B Mohamad Safee-0173282949 (Kelab Keusahawanan)
  - viii) En Mohamaed Nasrullah Bin Zanuddin-0193987028 (Kelab Keusahawanan)
  - ix) Cik Raja Nurul Shahira Bt Raja Arif-0193987028 (Kelab Keusahawanan)
3. Kebersihan dan keselamatan hendaklah dipatuhi sepanjang karnival berjalan. Setiap peserta dikehendaki berpakaian kemas seperti memakai apron dan mengikat rambut sekiranya panjang.
4. Peserta dibenarkan memasak di gerai seperti memasak air, menggoreng ayam atau membakar ikan. Kebersihan adalah di bawah tanggungjawab peserta.

5. Peserta boleh meletakkan barangan keperluan pada petang sebelum karnival berlangsung keesokannya. Pihak urusetia tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang risiko kehilangan barang-barang yang ditempatkan di gerai berkenaan.
6. Tiada yuran penyertaan dikenakan namun deposit kebersihan sebanyak RM30 dikenakan kepada peniaga. Deposit akan dikutip pada 7 September 2015 dan akan dipulangkan kembali kepada peniaga setelah tamat tempoh karnival dengan syarat kebersihan tapak niaga telah dipastikan.
7. Peserta tidak boleh menggunakan Polistrin atau Plastik sebagai pembungkus makanan dan minuman.
8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, peserta boleh menghubungi Pegawai Keusahawanan PSIS, En Mohd Azmi Bin Mh Busra (019-6673710).

## GARIS PANDUAN PENGURUSAN GERAK SISWA NIAGA UNTUK PENIAGA

### 1.0 KEBERSIHAN

- 1.1 Kebersihan tapak gerai adalah di bawah tanggungjawab peniaga. Peniaga dikehendaki sentiasa memastikan kawasan niaga yang telah ditetapkan berada dalam keadaan bersih semasa dan selepas menjalankan perniagaan.



Rajah 1: Tempat Pembuangan Sampah

- 1.2 Peniaga perlu menyediakan plastik sampah masing-masing di gerai. Sampah –sampah perlu dibuang terus ke RUMAH SAMPAH yang berada di bahagian kiri Bangunan HEP dan bukan ke dalam tong sampah hijau yang berada di sekitar tapak niaga. Ini bertujuan untuk mengelakkan sampah terbiar dan dilonggokkan disekitar tong sampah hijau. Ini juga bertujuan sampah tidak menarik perhatian binatang seperti anjing, biawak dan monyet.
- 1.3 Peniaga tidak dibenarkan membuang sebarang sisa makanan, minyak masak dan lain-lain sampah ke dalam longkang.

### 2.0 PENGENDALIAN MAKANAN DAN MINUMAN

- 2.1 Makanan dan minuman yang dijual hendaklah dimasak dengan sempurna dan bersih mengikut amalan penyediaan makanan yang baik. Kepada peniaga yang memerlukan bantuan khidmat nasihat berkaitan penyediaan makanan boleh berhubung dengan Pensyarah Hotel Katering JPH. Ini bertujuan mengelakkan sebarang kes berkaitan makanan dan minuman seperti keracunan makanan.
- 2.2 Peniaga perlu sentiasa memastikan lot gerai dalam keadaan bersih dan tiada kehadiran lalat ke dalam makanan.
- 2.3 Semua peniaga tapak gerai yang menjual produk makanan dan minuman dikehendaki sentiasa memakai apron, topi dan sarung tangan sewaktu mengendalikan makanan dan minuman.

- 2.4 Peniaga tidak dibenarkan menjual makanan dan minuman yang telah rosak atau makanan yang tidak habis dijual pada hari sebelum kepada pengguna pada hari tersebut.
- 2.5 Sekiranya terdapat aduan kes seperti keracunan makanan, pihak peniaga akan bertanggungjawab sepenuhnya dan boleh diambil tindakan oleh pihak berwajib dan ditamatkan perniagaan di tapak gerai serta merta.

### 3.0 PEMBUNGKUSAN MAKANAN DAN MINUMAN

- 3.1 Selaras dengan hasrat Politeknik ke arah *Polygreen*, peniaga TIDAK dibenarkan menggunakan POLYSTREEN DAN PLASTIK sebagai pembungkus makanan.

Cth:



- 3.2 Peniaga dibenarkan menggunakan alternatif pembungkusan seperti bekas makanan yang boleh dikitar semula.

Cth:



### 4.0 PENGGUNAAN ASET POLITEKNIK

- 4.1 Setiap gerai akan disediakan sebuah meja kafeteria sahaja. Meja kafeteria atau meja kuliah/bengkel tidak dibenarkan digunakan sebagai alas dapur memasak. Penggunaan aset Politeknik lain seperti meja kuliah adalah TIDAK dibenarkan. Ini bagi mengelakkan sebarang kerosakan terhadap aset tersebut.
- 4.2 Meja atau kerusi tidak dibenarkan dibiarkan di sekitar tapak gerai yang tidak berbumbung seperti di kaki lima bangunan.
- 4.3 Peniaga dikehendaki menyediakan sendiri keperluan peralatan di gerai terutamanya dapur untuk memasak (jika berkaitan).

## **5.0 PENIAGA DAN MASA PERNIAGAAN**

- 5.1 Karnival Gerak Siswa Niaga adalah program keusahawanan PSIS untuk memberi peluang dan pengalaman menguruskan perniagaan dan hanya PELAJAR dan STAF PSIS sahaja dibenarkan menjalankan operasi perniagaan. Peniaga luar atau pihak luar TIDAK dibenarkan menjalankan operasi perniagaan di tapak gerai.
- 5.2 Waktu operasi karnival adalah bermula pada jam 5 petang hingga 11.00 malam.
- 5.3 Pelajar tidak dibenarkan ponteng kelas atau keluar kuliah awal dengan alasan menguruskan gerai. Surat pengecualian kuliah tidak akan dikeluarkan bagi tujuan ini.
- 5.4 Staf hanya dibenarkan menguruskan gerai selepas waktu kerja rasmi sahaja berdasarkan waktu bekerja yang telah dipilih iaitu 4.30 petang, 5.00 petang dan 5.30 petang.

## **6.0 KELUAR MASUK KENDERAAN**

- 6.1 Keluar masuk kenderaan peniaga adalah tertakluk kepada peraturan keluar masuk kenderaan yang sedang berkuatkuasa sekarang.

Pihak urusetia memohon agar semua peniaga dapat memberikan kerjasama dalam memastikan garispanduan ini diikuti. Garispanduan ini bertujuan menjaga keselamatan, kebersihan dan mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku. Kafeteria pentadbiran ini berada di kawasan tumpuan awam dan sudah pasti isu keselamatan dan kebersihan menjadi keutamaan pihak urusetia.

Pihak urusetia mengucapkan selamat berniaga!

Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan pihak urusetia atau berhubung terus dengan Pegawai Keusahawanan PSIS, En Mohd Azmi Bin Mh Busra di talian 019-6673710.

Harap Maklum